



## **KENYATAAN MEDIA HARI KE-33**

### **SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU PENERUS SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE**

---

Kerajaan Negeri melalui Sabah COVID-19 Command Centre ingin memaklumkan bahawa setakat 18 April 2020, Pejabat Perhubungan Negeri Sabah di Kuala Lumpur telah memproses 14,414 permohonan warga Sabah di Semenanjung Malaysia Kategori B40 bagi pembayaran *one-off* RM300.00.

- a). 11,347 permohonan telah dibayar dan dikreditkan melalui akaun masing-masing;
- b). 35 permohonan di bayar secara tunai;
- c). 1,606 permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat B40; dan
- d). 1,426 permohonan sedang dalam proses disebabkan nombor akaun yang tidak lengkap dan tidak aktif.

Sebagai makluman kepada pemohon yang memohon secara online melalui portal <https://bantuan.covid19.sabah.gov.my>, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Perhubungan Negeri Sabah di Kuala Lumpur dan Pejabat Bendahari Negeri Sabah ketika ini sedang memproses pembayaran bantuan COVID-19 kepada pemohon-pemohon yang layak.

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH  
19 April 2020 | 8.00 pagi**